

22 SEP 1998

YEN-PINJAMAN/I

KERAJAAN JEPUN AKAN HANTAR ROMBONGAN BINCANG PERMOHONAN PINJAMAN M'SIA

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Kerajaan Jepun akan menghantar satu rombongan ke Malaysia minggu depan untuk membincangkan selanjutnya permohonan pinjaman oleh kerajaan Malaysia bagi projek tempatan bernilai AS\$1.8 bilion.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun, Kaoru Yasano, berkata: "Kami menerima kajian kemungkinan mengenai projek-projek itu akhir minggu lalu dan kami akan menghantar satu pasukan untuk mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai Malaysia."

Bercakap kepada persidangan akhbar di sini hari ini, beliau berkata perbincangan itu bukan bertujuan untuk menolak projek-projek itu tetapi untuk mencapai satu perjanjian.

Beliau berkata matlamat lawatannya ke Indonesia, Singapura dan Malaysia adalah untuk menjelaskan kepada ketua-ketua negara di rantau ini mengenai dasar-dasar Jepun berkaitan pemulihan ekonomi negara itu.

Beliau berkata pemulihan itu penting kerana Jepun mampu memainkan peranan dalam membantu rantau ini keluar daripada krisis semasa, sambil menambah negara itu akan terus memainkan peranannya dan menunaikan tanggungjawab dalam membantu ekonomi Asean.

Mengenai pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin hari ini, Yasano berkata, Perdana Menteri menyifatkan Jepun sebagai jentera pertumbuhan bagi Asia.

Yasano berkata Dr Mahathir yakin Jepun akan memainkan peranan dalam menyediakan sokongan dan membantu mencapai pemulihan ekonomi di rantau ini.

Menurutnya, Dr Mahathir juga telah menjelaskan kepadanya mengenai langkah-langkah pengawalan modal yang diambil oleh Malaysia.

Mahathir menekankan dasar yang diambil itu adalah baik bagi pelabur-pelabur dan matawang Malaysia di luar negara telah mengalir balik ke negara ini sejak langkah itu diambil, kata Yasano.

"Saya merasakan dasar ini adalah hasil daripada keputusan perit yang terpaksa diambil meskipun telah menimbang pelbagai keadaan dengan berhati-hati," kata Yasano.

Berhubung dengan Apec, Yasano berkata ia sangat penting dan beliau menjangka satu mesej kukuh akan diperolehi daripada mesyuarat itu untuk pemulihan ekonomi rantau Asia Pasifik.

Apabila ditanya oleh pemberita mengenai Liberalisasi Sukarela Awal Mengikut Sektor (EVSL) yang akan dibincangkan di mesyuarat Apec, beliau berkata: "Jika resolusi EVSL boleh dirumuskan, kami sangat gembira dan malahan jika ia tidak dicapaipun, kami akan beralih kepada rundingan di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)."

-- BERNAMA

AA ZK MA